

Faks : 237605
Tel : 088252692
Bil : KEW(S)100-15/1/41 Klt.19
Tarikh : 08 Ogos 2007



KEMENTERIAN KEWANGAN
Wisma Kewangan
88593 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

Datuk/Tuan/Puan

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN SABAH BIL.7/2007
KEBENARAN KEPADA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM UNTUK MEMBELI
KENDERAAN KERAJAAN YANG DIGANTI DENGAN KENDERAAN BARU**

Dengan hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti yang Datuk/Tuan/Puan maklum Kerajaan Negeri sedang melaksanakan penggantian kenderaan-kenderaan berdasarkan 'optimal size' yang ditetapkan. Kenderaan-kenderaan lama dan berlebihan yang tidak sesuai diletakkan dalam sistem kenderaan gunasama Jabatan Kerja Raya adalah ditawarkan untuk dijual secara tender terbuka kepada awam mengikut harga penilaian Jabatan Kerja Raya.

3. Bagi anggota Perkhidmatan Awam kebenaran adalah diberikan untuk membeli kenderaan-kenderaan tersebut tanpa melalui tatacara tender biasa tertakluk kepada perakuan Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dalam memberi perakuan hendaklah memastikan syarat-syarat berikut dipatuhi:

- 3.1 Pengesahan mesti diberi oleh Ketua Jabatan bahawa kenderaan berkenaan adalah berlebihan dan akan dikembalikan kepada Jabatan Kerja Raya;
- 3.2 Hanya satu daripada suami isteri yang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri yang layak memohon;
- 3.3 Prestasi perkhidmatan pemohon mestilah memuaskan;
- 3.4 Pemohon tidak pernah diambil tindakan tatatertib;


2/...

KEW(S)100-15/1/41 Klt.19
08 Ogos 2007

- 3.5 Pemohon tidak menanggung beban hutang yang berat. Penyata gaji hendaklah dikemukakan;
- 3.6 Permohonan yang mempunyai lebih dari satu pembeli akan dijual melalui tatacara tender terbuka.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'



(Yusoff bin Datuk Hj. Mohd. Kassim, PGDK)
Setiausaha Tetap

- s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri,
Jabatan Ketua Menteri,
Tingkat 6, Wisma Innoprise,
88817 Kota Kinabalu.
(Surat Pekeliling ini dikeluarkan dengan pengetahuan Y.B. Datuk).
- " Bendahari Negeri,
Jabatan Bendahari Negeri,
Kota kinabalu.
- " Pengarah,
Jabatan Audit Negara Malaysia Cawangan Negeri Sabah,
Blok A, Aras 4,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah,
Jalan UMS-Sulaman, Likas,
88450 Kota Kinabalu.